

12/05/1997

KM Melaka di ICU kerana angin ahmar

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini dimasukkan ke Hospital Tawakal di sini, kerana diserang angin ahmar.

Beliau kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk pemeriksaan lanjut.

Ketika dihubungi, seorang petugas di unit itu berkata, keadaan Mohd Zin adalah stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menziarahi beliau selepas mereka menghadiri majlis tahlil sempena ulang tahun ke-51 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Turut menziarahi beliau ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ali Rustam.

Isteri Mohd Zin, Datin Seri Fatimah Samdin serta anak-anak mereka turut berada di hospital.

(END)